

Politik

# BANGSA MALAYSIA

**Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik**

THE POLITICS OF BANGSA MALAYSIA: Nation-Building in a Multiethnic Society

MOHAMED MUSTAFA ISHAK

Mewujudkan identiti kolektif yang dikongsi bersama daripada kepelbagaian etnik yang akan membuka jalan untuk merealisasikan Bangsa Malaysia sememangnya merupakan satu cabaran yang besar bagi Malaysia. Tiada sesiapa yang pasti bila cita-cita ini akan menjadi kenyataan. Oleh sebab itu, dengan rasa rendah diri saya berharap agar buku ini akan dapat menjelaskan isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dalam perjalanan panjang mereka ke arah mewujudkan sebuah bangsa yang bersatu padu, yang akan dipanggil mereka dengan bangganya sebagai Bangsa Malaysia.

POLITIK  
BANGSA  
MALAYSIA

*Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*

*THE POLITICS OF BANGSA MALAYSIA: Nation-Building in a Multiethnic Society*

# POLITIK BANGSA MALAYSIA

*Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*

*THE POLITICS OF BANGSA MALAYSIA: Nation-Building in a Multiethnic Society*

MOHAMED MUSTAFA ISHAK

*Penterjemah*

**Azmi Ahmad**

**Hasan Ahmad**

**Suziana Abdul Aziz**

PUSTAKA PERDANA



1010839

Terbitan bersama



**ITBM**

Institut Terjemahan & Buku Malaysia



**UUM PRESS**

Penerbit UUM

**Universiti Utara Malaysia**

Kuala Lumpur  
2014



Buku **POLITIK BANGSA MALAYSIA: Pembinaan Bangsa Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik** ialah terjemahan yang sah daripada buku *The Politics of Bangsa Malaysia – Nation-Building in a Multiethnic Society* diterbitkan oleh UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia.

Diterbitkan secara bersama oleh:

**INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD**

(No. Syarikat: 276206-D)

Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E

Seksyen 10, Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel.: +603-4145 1800 Faks: +603-4142 0753

E-mel: publishing@itbm.com.my Laman web: www.itbm.com.my

DAN

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)**

06010 UUM Sintok,

Kedah Malaysia

Tel.: +604-9284797 Faks: +604-9284792

E-mel: penerbit@uum.edu.my Laman web: uumpress.uum.edu.my

Cetakan Pertama, November 2014

Karya Terjemahan © Institut Terjemahan & Buku Malaysia & Universiti Utara Malaysia

Teks © Mohamed Mustafa Ishak

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (sebelum ini dikenal sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad), Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamed Mustafa Ishak, 1961-

Politik bangsa malaysia : pembinaan bangsa dalam masyarakat pelbagai etnik / Mohamed Mustafa Ishak ; penterjemah Azmi Ahmad, Hasan Ahmad, Suziana Abdul Aziz.

ISBN 978-967-0798-22-6

1. Nationalism--History--Malaysia. 2. Ethnicity--Malaysia.

3. Malaysia--History--20th century. 4. Malaysia--politics and government.

I. Azmi Ahmad, 1971-. II. Hasan Ahmad. III. Suziana Abd. Aziz. IV. Judul.

V. Judul : Terjemahan daripada : Mohamed Mustafa Ishak.

The Politics of bangsa Malaysia : nation-building in a multiethnic society.

9559.5

Dicetak di Malaysia oleh:

Legasi Press Sdn. Bhd.

No. 17A Jalan Helang Sewah

Taman Kepong Baru, Kepong

52100 Kuala Lumpur



*Buat anak-anakku.  
Buat setiap "Anak Malaysia" yang bangga menjadi "Bangsa Malaysia".*

# Kandungan

<i>Sekapur Sirih oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad</i>	<i>ix</i>
<i>Prakata</i>	<i>xi</i>
<i>Senarai Kependekan</i>	<i>xiii</i>
<b>1 Keetnikan dan Nasionalisme</b>	<b>1</b>
Dimensi keetnikan	7
Dimensi nasionalisme	22
Pembinaan bangsa: Proses, tujuan dan agensi	36
<b>2 Pembentukan Identiti di Malaysia</b>	<b>55</b>
Pengurusan keetnikan di Tanah Melayu pada zaman penjajahan	55
Mobilisasi politik dan etnik: Politik kerjasama dan konfrontasi	63
Pembentukan identiti: Persaingan dan perkembangan	66
<b>3 Daripada Pembinaan Negara kepada Pembinaan Bangsa</b>	<b>85</b>
Dasar Bahasa dan Pendidikan Kebangsaan	86
Dasar Ekonomi Baru 1970–1990	104
Dasar Kebudayaan Kebangsaan	119
<b>4 Menggambarkan Bangsa</b>	<b>135</b>
Bangsa Melayu sebagai satu bangsa	136
UMNO dan nasionalisme Melayu	145
PAS, politik Islam dan bangsa Islam	153
Bumiputeraisme Borneo: Cabaran Kadazanisme dan Ibanisme	163

<b>5</b>	<b>Mencabar Istilah Bangsa</b>	<b>183</b>
	Identiti dan orientasi budaya bukan bumiputera	184
	Sikap orang Cina terhadap pembinaan bangsa	196
	Penyertaan dalam politik dan politik identiti	204
<b>6</b>	<b>Pembinaan Bangsa Malaysia</b>	<b>221</b>
	Idea tentang Bangsa Malaysia	221
	Bangsa Malaysia: Dari perspektif Mahathir	224
	Bangsa Malaysia: Mengikut perspektif rakyat	231
	“Liberalisasi” di bawah Mahathir: Pengikisan keetnikan atau pengejalan kesamaran	242
<b>7</b>	<b>Mahathirisme dan Masa Depan Bangsa</b>	<b>261</b>
	Mahathirisme dan perubahan landskap tatanegara Malaysia	261
	Krisis ekonomi dan kisah Anwar Ibrahim	275
	Pilihan raya umum 1999 dan natijahnya	284
	Daripada Mahathir kepada Abdullah Badawi: Peralihan atau kesinambungan?	289
<b>8</b>	<b>Masa Depan Bangsa Malaysia</b>	<b>297</b>
	<b>Catatan Tambahan</b>	<b>317</b>
	<b>Rujukan</b>	<b>321</b>
	<b>Indeks</b>	<b>339</b>

# Sekapur Sirih

oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Profesor Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak kerana menulis *Politik Bangsa Malaysia* yang saya difahamkan pada asalnya merupakan sebahagian daripada kajian PhD beliau.

Saya pasti, dengan input akademik dan penyelidikan meluas, buku ini dapat memberi pembaca gambaran dan kefahaman yang lebih baik tentang Bangsa Malaysia, konsep dan objektifnya.

Penting untuk kita memahami bahawa konsep Bangsa Malaysia ialah sebuah idea yang diilhamkan oleh para nasionalis yang berhasrat untuk membina sebuah bangsa.

Kita boleh berharap, bermimpi, malah berdoa untuk hasrat ini, tetapi belum tentu lagi hasrat ini akan menjadi kenyataan, melainkan jika terdapat usaha yang jelas dan secara sedar diambil.

Bangsa Malaysia akan menjadi hasil daripada strategi perekeyasaan sosial yang telah mengambil kira realiti ekonomi dan politik negara.

Dengan kata lain, satu-satunya kemungkinan konsep ini menjadi kenyataan adalah apabila negara telah mencapai kematangan politik dan kedudukan ekonomi pada tahap tertentu.

Dengan mengaitkan, atau lebih tepatnya menjadikan konsep ini sebagai hasil Wawasan 2020, konsep Bangsa Malaysia tentunya berkait rapat dengan kesejahteraan ekonomi dan politik negara.

Bagi mencapai Wawasan 2020, negara perlu mengatasi sembilan cabaran strategik yang telah digariskan.

Jika negara dapat mengatasi sembilan cabaran ini, Bangsa Malaysia akan menjadi suatu kenyataan.

Dari sudut yang berbeza, hanya Bangsa Malaysia yang akan mampu mengatasi sembilan cabaran tersebut. Ini bukanlah tentang mana-mana perkara yang datang dahulu, sebaliknya satu evolusi yang melengkapi satu sama lain.

Saya pasti akan ada keraguan tentang keupayaan kita untuk menjadi Bangsa Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan. Namun begitu, tiada apa-apa yang abstrak tentang konsep tersebut.

Malah, dengan menjadikannya sebahagian daripada Wawasan 2020, konsep ini menjadi objektif yang ketara.

Dengan mengambil kira kemajuan besar negara dalam pembangunan ekonomi, sasaran ekonomi yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020 nampaknya sudah bersedia untuk dicapai pada masa itu. Ada juga yang percaya bahawa wawasan itu dapat dicapai lebih awal.

Walau bagaimanapun, semata-mata mencapai sasaran pendapatan per kapita selari dengan negara maju hanyalah satu bahagian daripada Wawasan 2020.

Sebahagian besar Wawasan 2020 adalah untuk memastikan kemakmuran ekonomi diperkaya dengan nilai-nilai murni dan amalan beretika.

Bangsa Malaysia yang dibayangkan akan memberikan jiwa dan kekuatan kepada negara maju untuk mengatasi cabaran-cabaran baharu yang bakal dihadapi negara setelah mencapai kejayaan dan menempa kedudukan di mata dunia.

Cukup untuk kita mengatakan bahawa Bangsa Malaysia akan membantu menguruskan kejayaan Malaysia.

**Dr. Mahathir Mohamad**

9 Oktober 2013

# Prakata

Buku ini mengkaji asas parameter sosiopolitik yang membentuk dan mempengaruhi politik pembinaan bangsa di Malaysia pada tempoh selepas 1970. Buku ini ditulis dengan hasrat untuk mendedahkan persepsi dalam kalangan masyarakat etnik utama tentang idea sebuah bangsa atau “masyarakat yang dibayangkan secara politik” dalam pembinaan Bangsa Malaysia. Buku ini juga diterbitkan bagi mengkaji impak dasar utama negara dan impak perubahan yang berlaku terhadap proses pembentukan bangsa di Malaysia di bawah pentadbiran Mahathir. Pendekatan saya dalam penerbitan buku ini adalah untuk menggagas makna Bangsa Malaysia, dan meneliti keupayaannya sebagai cara untuk menangani masalah keetnikan dan pembinaan bangsa di Malaysia.

Dalam buku ini, saya mengupas wacana kontemporari tentang keetnikan dan nasionalisme sebagai latar belakang dan asas untuk dibincangkan. Saya juga meneliti proses pembentukan identiti dan pelaksanaan dasar-dasar utama negara yang memberi kesan kepada pembinaan bangsa di Malaysia. Saya turut cuba membincangkan prospek dan cabaran dalam pembinaan Bangsa Malaysia dengan harapan perkara itu akan dapat memberikan pemahaman yang lebih baik tentang konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita, Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak.

Mewujudkan identiti kolektif yang dikongsi bersama daripada kepelbagaian etnik yang akan membuka jalan untuk merealisasikan Bangsa Malaysia sememangnya merupakan satu cabaran yang besar bagi Malaysia. Tiada sesiapa yang pasti bila cita-cita ini akan menjadi kenyataan. Oleh sebab itu, dengan rasa rendah diri saya berharap agar buku ini akan

dapat menjelaskan isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dalam perjalanan panjang mereka ke arah mewujudkan sebuah bangsa yang bersatu padu, yang akan dipanggil mereka dengan bangganya sebagai Bangsa Malaysia.

Memandangkan buku ini dihasilkan berdasarkan tesis PhD saya yang ditulis pada 1999 bertajuk *From Plural Society to Bangsa Malaysia: Ethnicity and Nationalism in the Politics of Nation-Building in Malaysia*, maka saya mengekalkan butir-butir orang yang terlibat.

Ketika menulis buku ini, saya telah dibantu oleh beberapa individu dan oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberikan sumbangan dalam pelbagai cara untuk memungkinkan buku ini dihasilkan. Ucapan terima kasih daun keladi saya rakamkan untuk Penerbit UUM, khususnya Datin Dr. Minah Harun selaku Pengarah dan semua kakitangan beliau yang berdedikasi tanpa mengenal penat lelah yang telah membantu saya menyediakan draf akhir manuskrip. Buat isteri dan anak-anak saya, ucapan terima kasih saya titipkan atas segala sokongan sepanjang penulisan saya dan juga sepanjang kerjaya akademik saya.

Terima kasih.

**Mohamed Mustafa Ishak**

27 November 2013

## Senarai Kependekan

BMA	Pentadbiran Tentera British
BN	Barisan Nasional
CLC	<i>Communities Liaison Committee</i>
DAP	Parti Tindakan Demokratik
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
EPU	Unit Perancang Ekonomi
FCAM	Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
IKM	Institut Kemahiran MARA
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
ITM	Institut Teknologi MARA
KeAdilan	Parti Keadilan Rakyat
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LUTH	Lembaga Urusan Tabung Haji
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MAPEN	Majlis Perundingan Ekonomi Negara
MCA	Persatuan Cina Malaysia
MPAJA	Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun

## Senarai Kependekan

MSC	Koridor Raya Multimedia
NCC	Majlis Perundangan Negara
NMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NMTB	Negeri-Negeri Melayu Tak Bersekutu
OKB	Orang Kaya Baru
PBDS	Parti Bansa Dayak Sarawak
PBS	Parti Bersatu Sabah
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PPP	Parti Progresif Penduduk
SCBA	Persatuan Peranakan Cina British
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
UNKO	Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu
USNO	Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu

## Bab 1

# Keetnikan dan Nasionalisme

Mengapakah persoalan tentang keetnikan, nasionalisme dan pembinaan negara ditekankan dalam buku ini? Terdapat beberapa sebab yang asas: pertama, keetnikan dan nasionalisme telah banyak membentuk sejarah politik abad ke-20. Walaupun kita bergerak pantas menuju alaf baharu, namun kita dapat menyaksikan pengaruh keetnikan dan nasionalisme yang menonjol menjadi tajuk berita di seluruh dunia, dari Amerika Utara hinggalah ke Ireland Utara dan dari negara-negara Balkan hinggalah ke Timor Timur. Berdasarkan laporan Bangsa-Bangsa Bersatu 1993, sejak tercetusnya Perang Dunia Kedua, terdapat sebanyak 127 konflik yang berlaku di seluruh dunia berbanding dengan hanya 88 konflik pada bahagian pertama abad tersebut yang membawa kepada tercetusnya peperangan. Yang ironinya, konflik ini boleh dikaitkan dengan konfrontasi etnik (*New Straits Times*, 1993).

Kedua, kesan daripada fenomena ini, terdapat lonjakan minat dalam kalangan ahli sains sosial terhadap isu keetnikan dan nasionalisme. Dengan menjurus kepada rampaian penyelidikan ini, buku ini cuba untuk memberikan sumbangan lanjut kepada kepustakaan sedia ada berkenaan isu keetnikan dan nasionalisme, yang berkaitan terutamanya dengan konteks masyarakat majmuk Malaysia kerana sejak negara mencapai kemerdekaan, dasar-dasar utama negara dirangka berdasarkan persoalan pembinaan bangsa. Pada ketika dasar ini dirangka bagi tujuan menangani masalah yang berkaitan dengan integrasi nasional, pelbagai cabaran baharu pula timbul, dengan sebahagiannya membawa isu yang lebih rumit untuk ditangani. Pada 1991, Perdana Menteri Mahathir Mohamad melancarkan projek besar Wawasan 2020. Menjelang 2020, Malaysia dijangka akan menjadi sebuah negara

perindustrian dalam acuannya sendiri (Mahathir, 1991a). Sesuatu yang cukup menarik dalam projek ini ialah senarai sembilan cabaran strategik yang perlu diatasi oleh Malaysia bagi memastikan wawasan tersebut menjadi kenyataan. Yang teratas dalam senarai ini ialah pewujudan bangsa yang dipanggil Bangsa Malaysia atau bangsa Malaysia bersatu. Buat pertama kalinya, dalam projek inilah wawasan yang jelas tentang pembinaan “bangsa” atau Bangsa Malaysia secara rasminya dikemukakan, sekali gus membayangkan kekurangan tumpuan yang koheren terhadap usaha membangunkan integrasi nasional dan seterusnya Bangsa Malaysia dalam tempoh 40 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, sejauh mana wawasan Bangsa Malaysia mungkin akan dicapai masih belum dapat dilihat. Bagi pembuat dasar dan agensi mercka masing-masing, usaha merangka strategi dan langkah yang betul untuk merealisasikan misi tersebut merupakan suatu cabaran yang besar. Akan tetapi, bagi komuniti etnik yang pelbagai di Malaysia, adakah penyelarasan kepentingan etnik berdasarkan aspirasi negara merupakan prasyarat bagi merealisasikan wawasan ini? Walaupun konsep Bangsa Malaysia itu relevan dan penting untuk kejayaan projek ini, namun persoalan yang cukup relevan untuk diutarakan ialah, “Apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan Bangsa Malaysia? Adakah konsep itu melambangkan asas baharu untuk membina nasionalisme Malaysia?” Dan soalan yang tidak kurang pentingnya ialah, “Adakah konsep tersebut menyediakan satu kerangka yang berdaya maju untuk menyelaraskan kepelbagaian etnik dan persepsi yang berbeza-beza tentang bangsa idaman yang wujud dalam dasar ini?”

Buku ini melihat proses rumit pembinaan bangsa di Malaysia pada tahun-tahun selepas 1970-an terutama dalam konteks pembinaan Bangsa Malaysia atau “bangsa Malaysia bersatu” yang dibayangkan dan diperkenalkan secara rasmi pada 1991. Perhatian utama saya di sini adalah untuk meneliti parameter sosiopolitik dasar yang telah membentuk dan mempengaruhi politik pembinaan bangsa di negara ini. Saya juga berusaha untuk mendedahkan sejauh manakah peralihan yang berlaku daripada faham keetnikan yang bersifat parokial kepada nasionalisme Malaysia dipermudahkan oleh konsep Bangsa Malaysia. Dapat dikatakan bahawa pokok pangkal masalah ini terletak pada kuatnya keadaan saling mempengaruhi kuasa-kuasa keetnikan dan nasionalisme yang akhirnya mencorakkan kehidupan politik Malaysia. Inilah tema utama buku ini.

Politik pembinaan bangsa di Malaysia pada dasarnya merupakan politik pengantara identiti. Malah, mungkin inilah inti pati isu bagi banyak

negara yang bergelut dengan masalah dan cabaran yang berpunca daripada politik keetnikan dan nasionalisme. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Christie (1998), “Di tengah-tengah sebarang perbincangan tentang bangsa dan nasionalisme, wujud isu identiti” (hlm. 3). Politik identiti di Malaysia menunjukkan percanggahan lazim pelbagai konsep bangsa idaman<sup>1</sup> sama dalam lingkungan kumpulan etnik ataupun antaranya (Shamsul, 1993; 1996a). Persoalan utama di sini ialah: “Bagaimanakah sistem politik Malaysia menangani ideologi etnik yang bersaing tentang satu bangsa?” dan “Adakah Malaysia merupakan “satu bangsa” yang mempunyai beberapa nasionalisme?” Jawapan kepada persoalan ini merupakan kunci untuk memahami bagaimana keetnikan dan nasionalisme saling mempengaruhi pembentukan politik Malaysia kerana setiap kumpulan etnik masing-masing mempunyai konsep “masyarakat yang dibayangkan” (mengulangi istilah yang digunakan oleh Benedict Anderson), yang menjadi asas perjuangan politik mereka. Secara konsisten, “Ke arah manakah ideologi Bangsa Malaysia akan membawa Malaysia pada alaf yang akan datang?”


Paradoks utama pembinaan bangsa dalam banyak masyarakat yang terbahagi ialah penyelarasan antara kesetiaan terhadap etnik dengan kesetiaan terhadap negara secara menyeluruh. Kuasa-kuasa keetnikan dan nasionalisme yang muncul dalam masyarakat ini cenderung bersifat sosial dan politik, yang menyebabkan proses pembinaan bangsa bukan sahaja sukar, malah menjadi satu tugas yang kompleks. Dalam konteks tersebut, pembinaan bangsa merujuk proses membina satu identiti nasional yang berserasi dengan kemajmukan etnik dan pada masa yang sama memupuk kematangan bangsa secara menyeluruh. Proses ini biasanya mempunyai perkaitan dengan masyarakat majmuk. Sebagai masyarakat majmuk, pembinaan bangsa sentiasa menjadi satu cabaran yang hebat bagi Malaysia. Keetnikan menggambarkan ciri asas politik Malaysia. Perjuangan politik sering berasaskan etnik dan kebanyakan isu politik cenderung dilihat dari segi etnik (Crouch, 1996; Zakaria, 1989) terutamanya sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957. Di tengah-tengah kestabilan relatif dan pembangunan ekonomi yang pesat terutamanya sejak dua dekad yang lalu, Malaysia masih belum berjaya sepenuhnya dalam projek pembinaan bangsanya, yang sentiasa menguasai agenda politik negara.

Masyarakat Malaysia terdiri daripada tiga komuniti etnik yang utama, iaitu orang Melayu, yang membentuk kira-kira 50 peratus daripada jumlah penduduk, dan dua komuniti bekas imigran yang cukup besar, iaitu Cina (37 peratus) dan India (11 peratus). Orang Melayu dan masyarakat peribumi

yang lain dikelaskan sebagai bumiputera, yang menikmati keistimewaan tertentu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.<sup>2</sup> Orang Cina dan orang India pula dikelaskan sebagai bukan bumiputera. Tiada satu pun daripada mana-mana kumpulan ini bersifat homogen; setiap kumpulan dibezakan lagi oleh identiti subetnik mereka berdasarkan bahasa dan agama yang berbeza. Majoriti orang Melayu ialah orang Islam yang bertutur bahasa Melayu, manakala masyarakat bumiputera lain terutamanya di kedua-dua negeri Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak mengamalkan agama yang berbeza dan mempunyai bahasa etnik mereka sendiri. Orang India kebanyakannya penganut Hindu yang bertutur bahasa Tamil. Sementara itu, latar belakang agama dan bahasa masyarakat Cina pula adalah lebih rumit. Semua faktor ini menjadikan perbezaan agama dan bahasa di Malaysia berlaku dalam lingkungan etnik dan juga antara kumpulan etnik. Walaupun berlaku pertambahan jumlah penduduk secara umum, iaitu daripada kira-kira 10 juta orang pada 1970 kepada kira-kira 22 juta orang pada 1999 seperti yang ditunjukkan dalam bancian tahun 1970, 1980 dan 1990, namun komposisi etnik di Malaysia tidak mengalami perubahan yang ketara. Berkaitan dengan pembinaan bangsa, perbezaan etnik bumiputera dan bukan bumiputera dilihat oleh ramai rakyat Malaysia sebagai faktor paling penting yang membentuk landskap politik kerana perkara tersebut menggambarkan keseimbangan demografi yang halus antara kedua-dua kategori ini, yang setiap satunya membentuk kira-kira 50 peratus daripada jumlah penduduk (Shamsul, 1996a). Dalam perbezaan etnik ini, hubungan Cina-Melayu dilihat sebagai yang paling penting sebagaimana yang dapat dilihat dalam pembangunan sosiopolitik negara, lantaran itu, cenderung untuk mendominasi politik pembinaan bangsa.

## **Masalah Bangsa Malaysia**

Persoalan pembinaan Bangsa Malaysia, seiring dengan Wawasan 2020, telah menjadi satu isu yang banyak diperdebatkan di Malaysia sejak awal tahun 1990-an dalam kalangan ahli sains sosial Malaysia (Abdul Rahman, 1997; Awang, 1994; Ghazali, 1995; Heng Pek Koon, 1996; Lee Kam Hing, 1997; Mohamed Mustafa, 1994; Rustam, 1993; Shamsul, 1992, 1996a, 1996b). Walaupun penulisan mereka menunjukkan terdapat sedikit peningkatan dalam integrasi nasional pada era pasca-Dasar Ekonomi Baru (DEB), dalam satu cara atau yang lainnya, hasil daripada pelbagai dasar dan program



**Mohamed Mustafa Ishak** ialah profesor pengajian politik dan antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau ialah pemegang ijazah kedoktoran dalam bidang Sosiologi Politik daripada University of Leeds, United Kingdom dan ijazah Sarjana Sastera (Politik) daripada University of York, United Kingdom. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Sains Politik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penyelidikan PhD beliau ialah berkenaan politik etnik dan nasionalisme di Malaysia. Beliau telah menulis beberapa buah buku dan makalah dalam pelbagai jurnal serta dalam media tempatan dan antarabangsa. Salah sebuah buku beliau yang berjudul *Politik dan Pemerintahan Negara* dijadikan rujukan wajib di institusi pengajian tinggi tempatan.

Sebagai seorang pakar dalam politik Malaysia dan Asia Tenggara, beliau sering menjadi tempat rujukan pelbagai pihak di dalam dan di luar negara bagi mendapatkan pandangannya tentang hal ehwal politik dan antarabangsa.

Beliau ialah Presiden Pengasas *Association of International Studies* (Malaysia) dan pernah memegang jawatan Ketua Editor *Journal of International Studies* yang diterbitkan UUM Press. Kini, beliau memegang tanggungjawab sebagai penasihat bagi jurnal tersebut. Beliau pernah menjadi Profesor Pelawat di beberapa buah universiti luar negara termasuk University of Paris dan University of Le Havre, kedua-duanya di Perancis serta beberapa buah universiti di Indonesia.

Beliau juga dengan jayanya telah mengikuti program Pengurusan Lanjutan di Harvard University yang dilaksanakan selama dua bulan. Kini, beliau memegang jawatan Naib Canselor UUM (sejak 2010).

Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara sejak 1 April 2010 oleh Perdana Menteri Malaysia.

# Politik BANGSA MALAYSIA

Politik pembinaan bangsa sering menjadi persoalan pokok di Malaysia. Sungguhpun negara berjaya mengekalkan tahap kestabilan politik yang tinggi sejak tragedi 1969, dan seterusnya menjana pembangunan ekonomi yang pesat (sekurang-kurangnya sehingga krisis ekonomi Asia dan selepas Pilihan Raya Umum 2008), projek pembinaan bangsa kekal menjadi agenda utama negara yang masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Buku ini menyingkap proses yang memerlukan ketelitian dalam pembinaan bangsa Malaysia pada era selepas tahun 1970-an, terutama dalam konteks pembinaan wawasan Bangsa Malaysia atau negara Malaysia yang bersatu, yang terpahat dalam Wawasan 2020 cetusan idea Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diperkenalkan pada 1991. Buku ini membincangkan parameter dasar sosiopolitik yang membentuk dan mempengaruhi politik pembinaan bangsa di negara ini serta pembentukan Bangsa Malaysia. Buku ini ditulis khas untuk memberi perspektif alternatif dalam analisis hubungan etnik dan pembinaan bangsa di Malaysia, seterusnya memperluas pemahaman tentang politik dan masyarakat Malaysia.

*"Saya pasti, dengan input akademik dan penyelidikan meluas, buku ini dapat memberi pembaca gambaran dan kefahaman yang lebih baik tentang Bangsa Malaysia, konsep dan objektifnya... Kita boleh berharap, bermimpi, malah berdoa untuk hasrat ini."*

- Tun Dr. Mahathir Mohamad

UMUM

ISBN 978-967-0798-22-6



9 789670 798226

[www.itbm.com.my](http://www.itbm.com.my)

Sem. Malaysia RM50.00  
Sabah/Sarawak RM55.00



**UUM PRESS**

Penerbit UUM

Universiti Utara Malaysia



Institut Terjemahan & Buku Malaysia